



PEMIMPIN MUDA
...Najib bersama peserta akhir pertandingan IM4U, semalam.

Hab sukarelawan

Malaysia negara contoh dalam gerak kerja sukarela

>>Oleh Hayati Ibrahim
ya_t@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia akan dijadikan hab dan negara contoh dalam gerak kerja sukarela di kalangan rakyat berbilang kaum, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Bagi tujuan itu, katanya, kerajaan akan menggerakkan aktiviti kesukarelaan kepada semua rakyat khususnya generasi muda sama ada dalam kerajaan, swasta mahupun pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) sempena Tahun Kesukarelawan Negara 2013 bermula Januari depan.

"Dalam melangkah menjadi negara maju, kita bukan saja mahu maju dari segi ekonomi dan pembangunan fizikal, tetapi negara yang mempunyai rakyat hidup harmoni, berdaya saing dan mempunyai nilai baik serta murni seperti tanggungjawab dan obligasi kepada rakyat.

"Satu daripada sifat negara maju adalah kesediaan rak-

yat menawarkan bantuan secara sukarela kepada mereka yang memerlukan," katanya ketika berucap pada majlis meraikan 10 finalis pertandingan IM4U 'My Uni Rocks' di pejabatnya di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Dr Ali Hamsa.

Finalis terbabit ialah Lim Voon Huey dari Universiti Putra Malaysia (UPM); Sam Jia Pei (Universiti Sunway); Norhana Syamimi Che Nasir (Universiti Kuala Lumpur-Malaysia France Institute); Halim Othman (Universiti Pertahanan Malaysia); Nurul Jannah Ahmad (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Mohd Helmi Abdullah (Universiti Teknologi Mara).

Selain itu, Nor Hidayah Muhammad Asri (Universiti Malaysia Pahang); Mohamad Hanafie Kari (Universiti Malaysia Terengganu); R Peramathevan (Management & Science University) dan G Gomalah (AIMST University), dengan semua-

nya menerima hadiah wang RM10,000 untuk membiayai dan memulakan projek sukarelawan masing-masing.

Pertandingan dilancarkan 13 Oktober lalu diadakan melalui laman sosial facebook bertujuan mendapatkan cadangan mengenai aktiviti kesukarelawan yang inovatif dan berdaya maju.

Najib yang juga Pengerusi IM4U berkata, bagi merancang lagi aktiviti sukarelawan di negara ini, 100 Pusat Outreach IM4U akan diwujudkan di seluruh institusi pengajian tinggi (IPT) secara berperingkat tahun depan.

Menurutnya, kerajaan menyediakan sumbangan geran RM5,000 kepada setiap pusat outreach untuk menggerakkan aktiviti kesukarelaan.

"Pusat ini diwujudkan dengan menggunakan kemudahan sedia ada di IPT masing-masing. Ia akan berfungsi sebagai pemangkin kepada lebih banyak aktiviti kesukarelawan di kalangan mahasiswa serta generasi di sekitar IPT.

"Malah segala aktiviti akan digerakkan secara tersusun dan berorganisasi," katanya.

Katanya, IM4U juga akan memberikan anugerah khas kepada pusat outreach paling aktif dan banyak menggerakkan aktiviti kesukarelawan di kalangan generasi muda dan mahasiswa.

Selain itu, katanya, Tokoh Sukarelawan IM4U juga akan diberi kepada individu paling banyak terbabit dan menggerakkan aktiviti kesukarelawan dalam negara.

"Jadi, saya menyarankan mahasiswa dan generasi muda supaya merebut peluang untuk mendaftarkan diri selaku penggerak dan aktivis sukarelawan IM4U di laman web IM4U," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, IM4U juga akan menganjurkan Konvensyen Sukarelawan Nasional 2013 pada Februari tahun depan bagi mengumpulkan semua sukarelawan aktif di negara ini untuk berbincang hala tuju gerakan sukarelawan di kalangan rakyat dan generasi muda.